

**Hari Malaysia Disambut Rakyat Seluruh Negara  
Bernama  
16 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Kemeriahan sambutan Hari Malaysia ke-50 hari ini dirayakan rakyat di seluruh negara dengan pelbagai program bagi membangkitkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat.

Di PASIR MAS, lebih 3,000 peserta daripada 56 kontinjen terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, berhimpun di Stadium Mini Pasir Mas sejak 7 pagi yang turut dihadiri Timbalan Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Antara persembahan menarik adalah pertunjukan silat, demonstrasi ketangkasan anggota polis menggunakan T Baton dan aksi pasukan bomba dan penyelamat menyelamatkan mangsa kemalangan jalan raya.

Di TAPAH, sambutan Hari Malaysia yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Saarani Mohamad dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan 1Malaysia.

Lebih 3,000 pengunjung membanjiri Stadium Mini sejak 7.45 pagi turut menyertai acara senamrobik bersama pelatih program latihan khidmat negara (PLKN) serta melawat gerai pameran anjuran agensi kerajaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978021>